

19/11/2000

Empat lagi wakil negara asing tiba

BEBERAPA lagi ketua negara asing tiba di sini, semalam untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) yang berlangsung empat hari, bermula esok.

Mereka ialah Perdana Menteri Swaziland, Dr B S Dlamini; Presiden Lesotho, Dr Pakalitha Mosisili; Presiden Zimbabwe, Dr Robert G Mugabe dan Timbalan Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga penaung LID dijangka tiba di sini, hari ini. Beliau akan mempengerusikan sesi fellow Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) pada sebelah pagi.

Pada tengah hari, Dr Mahathir akan meraikan kehadiran ketua-ketua kerajaan, wakil dan fellow CPTM dalam jamuan tengah hari sebelum mempengerusikan sesi khas mengenai 'Ke Arah Kejayaan dan Berkongsi Pengalaman Pratikal' (Making Progress and Sharing Practical Experiences).

Kelmarin, Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano mengetuai 11 anggota rombongan untuk menghadiri LID. Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma juga tiba kelmarin.

Chissano, tuan rumah dan penasihat bagi Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 2000 (SAID 2000) menghadiri pertemuan rasmi CPTM, di sini, malam ini.

Mesyuarat itu mendapat maklum balas daripada CPTM dan pusat kegiatan perkongsian pintar mengenai perkara yang perlu dilakukan dari segi konsep perkongsian pintar.

(END)